

Terbitan Unit Komunikasi Korporat MPIC / Jun2021

BULETIN KOMODITI

JUN

Lebih **450,000**
pekebun sawit
untung

HARGA MINYAK MASAK:
KPPK, KPDHEP cari
penyelesaian



Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19



ISI KANDUNGAN

01 SYARIKAT
AGRIKOMODITI PEKEBUN
KECIL BOLEH GUNA
SURAT KELULUSAN KPPK

02 LGM NAFI KHAIRUDDIN
CAMPUR TANGAN ISU
TANAH

03 INDUSTRI KAYU CATAT
PRESTASI KUKUH SUKU
PERTAMA 2021

04 KPPK UMUM JAWATAN
PENGERUSI MPOB DAN
LGM

05 MPC SUMBANG
PERALATAN PERUBATAN
KKM, PPUM

06 LEBIH 450,000 PEKEBUN
SAWIT UNTUNG

07 MPOB HASILKAN BAJA
MAMPU TINGKAT
PENGELUARAN SAWIT

08 KENAIKAN HARGA
MINYAK MASAK ADALAH
MUNASABAH

09 NILAI DAGANGAN
AGRIKOMODITI
MENINGKAT KEPADA
RM88.3 BILION

10 KPPK CARI JALAN
STABILKAN HARGA
MINYAK MASAK



**MINYAK MASAK: DUA
MENTERI TELAH BINCANG
BAWA KE KABINET**



**PERMINTAAN SARUNG
TANGAN KEKAL TINGGI**



**COVID-19 JEJAS
PENGELUARAN SAWIT
NEGARA**



**SYUKUR, HARGA SAWIT
MENINGKAT...**

15 *PERBINCANGAN MEKANISME
SUBSIDI MINYAK MASAK
DI PERINGKAT AKHIR –
KHAIRUDDIN*

16 *MALAYSIA OVERTAKES
INDONESIA AS TOP PALM OIL
EXPORTER TO INDIA*

17 *MUHYIDDIN BAKAL UMUM
BERITA GEMBIRA HARGA
MINYAK MASAK*

18 *PALM RISES 1% ON SIGNS OF
GROWING DEMAND; RISING
OUTPUT VIEW WEIGHS*

19 *MALAYSIA'S PALM
OIL OUTPUT TO RISE
MARGINALLY WHILE
EXPORTS PICK UP - STATE
AGENCY*

20 *SISA HABUK KAYU HASILKAN
CENDAWAN TIRAM RAJA*

21 *CPO FUTURES TO TRADE
RANGE-BOUND NEXT WEEK*

22 *CPO TO REACH RM3,200
PER TONNE IN 2021: MIDF
RESEARCH*

23 *PENINGKATAN EKSPORT
SOKONG PEMULIHAN
EKONOMI NEGARA*

24 *MPOB BAKAL PERKENAL
EMPAT TEKNOLOGI BAHARU*



*PROGRAM MINYAK
MASAK BERSUBSIDI
BOLEH DITAMBAH
BAIK*



*MINYAK MASAK:
PM PRIHATIN
SENADA HASRAT
KEMENTERIAN*



*INDIA KURANGKAN
DUTI IMPORT MINYAK
SAWIT MENTAH*



*INDIA TURUN CUKAI
IMPORT SAWIT,
MALAYSIA RAIH
MANFAAT*

Syarikat agrikomoditi, pekebun kecil boleh guna surat kelulusan KPPK



PUTRAJAYA
1 JUN 2021

Semua syarikat, ladang dan pekebun kecil agrikomoditi bagi subsektor yang diluluskan dibenarkan menggunakan surat kelulusan oleh Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi (KPPK) dan agensi.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, ia sebelum pendaftaran Covid-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) diluluskan.

"Pemain industri terutama majikan dan pekerja hendaklah memastikan prosedur operasi standard (SOP) baharu yang telah ditetapkan dipatuhi," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurut beliau, majikan perlu membuat pemantauan lebih kerap bagi memastikan pematuhan pekerja mereka.

"Antaranya penggunaan aplikasi MySejahtera, suhu badan tidak melebihi 37.5 darjah celsius dan tidak bergejala," katanya

Beliau berkata, sekiranya gagal, pemilik premis akan dikenakan tindakan undang-undang. -SINAR HARIAN

LGM nafi Khairuddin campur tangan isu tanah


KUALA LUMPUR
2 JUN 2021

Lembaga Getah Malaysia (LGM) menafikan dakwaan bekas Pengerusinya berhubung campur tangan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali membabitkan pajakan dan penjualan dua bidang tanah miliknya.

LGM dalam satu kenyataan berkata, dakwaan Datuk Ahmad Nazlan Idris berhubung campur tangan Khairuddin dalam proses pajakan tanah Lot 20013 (sebelum ini dikenali Lot 76) bercanggah dengan fakta sebenar.

Ia menjelaskan, Lembaga Perolehan LGM membuat keputusan pada 30 November 2020, bahawa syarikat yang berjaya dalam tender terbuka adalah Al-Noor Foundation dengan harga bidaan tertinggi iaitu 70 sen sekaki, selaras dengan kadar penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Hartanah (JPPH), Kementerian Kewangan.

Menurutnya lagi, yayasan terbabit adalah syarikat berhad menurut jaminan yang tidak berasaskan keuntungan, dengan majoriti pemegang amanahnya adalah rakyat Malaysia dan bukan milik rakyat Turki sebagaimana kenyataan mantan Pengerusi. - BH



Industri kayu catat prestasi kukuh suku pertama 2021



PETALING JAYA
3 JUN 2021

Sektor berasaskan kayu merekodkan prestasi kukuh dalam suku pertama tahun ini dengan jumlah eksport meningkat 9.9 peratus kepada RM6.04 bilion berbanding tempoh sama tahun lalu.

Prestasi tersebut dipacu pertumbuhan eksport yang menggalakkan ke tiga pasaran utama negara iaitu Eropah, Amerika dan Oceania.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC), Muhtar Suhaili berkata, pasaran eksport ke Eropah mencatat pemulihan dengan kenaikan 9.9 peratus kepada RM561.2 juta berikutan peningkatan produk dan perabot kayu hasilkan sendiri (DIY) daripada golongan yang bekerja dari rumah.

Ujarnya, tiga produk utama untuk pasaran tersebut adalah perabot kayu (RM242.9 juta), produk kayu tanggam (RM96.5 juta) dan kayu gergaji (RM73.9 juta).

“Eksport ke benua Amerika, pasaran terbesar negara melonjak 46.9 peratus kepada RM2.44 bilion. Amerika Syarikat (AS) adalah penyumbang utama di pasaran ini dengan pembelian lebih 60 peratus daripada eksport perabot kayu negara dan meningkat 47.1 peratus kepada RM1.93 bilion. -UTUSAN



KPPK umum jawatan pengerusi MPOB dan LGM

PUTRAJAYA
5 JUN 2021

Kementerian Perusahaan,
Perladangan dan Komoditi (KPPK)
hari ini mengumumkan pelantikan
bagi jawatan pengerusi Lembaga Sawit
Malaysia (MPOB) dan Lembaga Getah
Malaysia (LGM).

Menterinya, Datuk Dr. Mohd. Khairuddin Aman Razali berkata, bagi jawatan di MPOB, pihaknya melantik Timbalan Ketua Setiausaha (Perladangan dan Komoditi) KPPK Mad Zaidi Mohd Karli sebagai Pengerusi Interim Lembaga Pengarah MPOB untuk terus mengelola lembaga itu.

Beliau berkata, jawatan pengerusi MPOB kosong selepas peletakan jawatan Datuk Ahmad Jazlan Yaakob sebelum digantikan dengan Datuk Ahmad Nazlan Idris pada 15 April lalu.

Bagaimanapun, katanya, Ahmad Nazlan menolak pelantikan itu sebelum melantik Mad Zaidi sebagai Pengerusi Interim Lembaga Pengarah MPOB.

Selain itu, Raja Datuk Idris Raja Kamaruddin dilantik menjadi Pengerusi LGM bagi menggantikan Ahmad Nazlan berkuatkuasa 15 April lalu. -UTUSAN

MRC sumbang peralatan perubatan KKM, PPUM



**KUALA LUMPUR
4 JUN 2021**

Malaysia Rubber Council (MRC) menyumbang 10 unit mesin pengudaraan (ventilator machine) kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), hari ini.

Selain itu, sumbangan sebanyak RM3.62 juta kepada Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

MRC dalam kenyataan memberitahu sumbangan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia berjumlah RM580,000 untuk 10 unit mesin pengudaraan yang baharu bernilai RM58,000 setiap unit.

Katanya, sumbangan itu untuk membantu mangsa-mangsa kritikal sepanjang penularan pandemik Covid-19 sekarang.

“Manakala untuk Pusat Perubatan Universiti Malaya sumbangan berjumlah RM3.62 juta disalurkan peralatan kepada Pusat Perubatan itu bagi perawatan kes Covid-19,” katanya, di sini. -HARAKAH DAILY

Lebih 450,000 pekebun sawit untung

SHAH ALAM
7 JUN 2021

Kenaikan harga minyak sawit menguntungkan lebih 450,000 pekebun kecil sawit sekali gus mengeluarkan mereka daripada status kemiskinan.

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Khairuddin Aman Razali menerusi Facebooknya pada Isnin berkata,

kesan kenaikan harga sawit yang ditanggung golongan M40 dan T20 itu juga mampu memulangkan nilai keringat sebenar pekebun kecil yang sudah lama diabaikan.

Menurut beliau, hasil cukai daripada kenaikan minyak sawit dapat dinikmati semula oleh rakyat termasuk di Sabah dan Sarawak kerana kenaikan harga itu.

"Sebelum ini hampir 60 peratus rakyat M40 dan T20 menikmati harga minyak masak dengan harga rendah di atas kudrat dan keringat pekebun kecil yang berpendapatan kecil.

"Bagaimanapun pekebun kecil di kampung-kampung tidak cukup makan kerana harga sawit yang rendah ditambah dengan kos baja dan lainnya. Ramai pekebun kecil terpaksa membiarkan kebun sawit terbiar kerana kos kerja tidak setimpal dengan pendapatan," katanya.
-SINAR HARIAN



MPOB hasilkan baja mampu tingkat pengeluaran sawit

KUALA LUMPUR
4 JUN 2021

Sekumpulan penyelidik di Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menghasilkan inovasi formulasi baja yang mengandungi nutrien seimbang, sekali gus mampu meningkatkan pengeluaran hasil buah sawit.

Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir, berkata baja itu adalah hasil daripada penyelidikan yang diketuai oleh Ahmad Afandi Murdi.

Beliau berkata, inovasi baja sebatian yang dikenali MPOB F3, adalah dalam bentuk butiran padat dan diformulasi dengan nisbah seimbang nitrogen, fosfat, kalium, magnesium dan borate yang dirumus khas untuk pokok sawit ditanam di tanah mineral.

Katanya, formulasi baja MPOB F3 yang mengandungi nutrien seimbang juga sesuai untuk kelapa sawit ditanam di pelbagai jenis tanah.

"Pokok sawit perlu pembajaan yang sempurna termasuk kandungan nutrien seimbang untuk pengeluaran hasil yang tinggi.



"Pokok sawit perlu pembajaan yang sempurna termasuk kandungan nutrien seimbang untuk pengeluaran hasil yang tinggi.

"Walaupun keperluan nutrien adalah khusus mengikut keadaan setempat, penggunaan nisbah nutrien yang seimbang dalam baja sebatian akan memberikan input nutrien yang bersesuaian pada lokasi yang berbeza. -BH

Kenaikan harga minyak masak adalah munasabah



**KUALA LUMPUR
8 JUN 2021**

Harga minyak masak di pasaran sekitar RM30 bagi botol lima kilogram adalah munasabah memandangkan kenaikan harga minyak sawit bertapis yang tinggi pada masa ini.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata purata harga minyak sawit mentah (MSM) antara RM4,000 hingga RM4,500 satu tan menyebabkan kenaikan harga minyak sawit bertapis lebih tinggi kepada sekitar RM5,000 satu tan.

Justeru, katanya, ini menyebabkan harga minyak masak di kilang berada pada kadar RM4.50 hingga RM5 sekilogram.

"Jika lima kilogram sekitar RM25. Belum dikira kos pembungkusan dan lain-lain. Dengan rantai bekalan menerusi pemborong dan peruncit, sangat munasabah harga minyak masak di pasaran sekitar RM30 bagi botol lima kilogram. -BH





Nilai dagangan agrikomoditi meningkat kepada RM88.3 bilion

**KUALA LUMPUR
9 JUN 2021**

Prestasi perdagangan sektor agrikomoditi bagi tempoh Januari hingga April 2021 kekal positif apabila mencatatkan jumlah nilai dagangan RM88.3 bilion, meningkat sebanyak RM34.2 bilion dengan imbalan dagangan berjumlah RM48 bilion.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, pendapatan eksport

produk agrikomoditi pula merekodkan RM68.1 bilion atau 17.6 peratus daripada keseluruhan pendapatan eksport negara.

“Pendapatan ini mencatatkan pertumbuhan positif iaitu 66.5 peratus, daripada RM40.9 bilion bagi tempoh sama pada tahun sebelumnya.

“Peningkatan ini didorong oleh kenaikan ketara harga agrikomoditi utama, yang terus mencatatkan peningkatan harga purata sepanjang tempoh empat bulan tersebut,” katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Menurut beliau, produk berasaskan getah merupakan penyumbang terbesar bagi eksport agrikomoditi dengan sumbangan sebanyak 43.9 peratus.

Ia terus menunjukkan perkembangan memberangsangkan apabila mencatatkan peratusan peningkatan eksport sebanyak 175 peratus atau RM29.9 bilion, katanya.

-SINAR HARIAN

KPKK cari jalan stabilkan harga minyak masak



PUTRAJAYA
10 JUN 2021

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) mengadakan pertemuan maya bersama beberapa entiti, dalam usaha kerajaan untuk menstabilkan harga minyak masak tidak bersubsidi.

Menterinya, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata perbincangan bersama Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) dan beberapa pemain industri sawit terkemuka negara penting bagi mendapatkan syor cadang konkrit untuk supaya harga minyak masak tidak bersubsidi dapat distabilkan.

"Fokus utama perbincangan yang dilaksanakan selepas mesyuarat bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan bersama Kabinet adalah tertumpu kepada syor dan cadangan yang konkrit.

"Harap ia dapat disepakati untuk memastikan rakyat dapat menikmati harga minyak masak yang berpatutan selain memperoleh situasi menang-menang antara pemain industri, peruncit dan pengguna," katanya dalam tulisan di Facebook rasmi KPPK, hari ini. -BH



Harga Minyak masak: KPPK, KPDNHEP cari penyelesaian

**KUALA LUMPUR
9 JUN 2021**

Menteri Perusahaan Perladangan Dan Komoditi, Dato' Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, beliau telah mengadakan perbincangan secara maya bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Sri Alexander Nanta Linggi berhubung harga minyak masak di pasaran.

“Alhamdulillah. Saya telah mengadakan perbincangan secara maya bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Sri Alexander Nanta Linggi.

“Mesyuarat ini amat penting kerana ianya berkaitan isu kenaikan harga minyak masak tidak bersubsidi di pasaran,” ujarnya dalam satu hantaran di laman Facebook beliau, petang ini.

Beliau berkata, usaha dan perancangan yang disusun akan dilaksanakan kerajaan bagi terus membantu rakyat.

“Kami mencapai kata sepakat untuk mengkaji mekanisme terbaik membabitkan semua pihak dalam industri minyak sawit,” jelas beliau.

Tambahnya, perkara itu akan dipanjangkan kepada Jemaah Menteri supaya harga minyak masak tidak bersubsidi dapat distabilkan di dalam pasaran. -HARAKAH DAILY

Permintaan sarung tangan kekal tinggi



**KUALA LUMPUR
13 JUN 2021**

Permintaan terhadap sarung tangan getah masih kukuh dan dijangka terus mencatatkan pertumbuhan dua angka meskipun pasca-COVID-19, kata Persatuan Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia (MARGMA).

Presidennya, Dr Supramaniam Shanmugam, berkata sebelum pandemik, permintaan terhadap sarung tangan getah mencatatkan pertumbuhan baik iaitu antara lapan hingga 10 peratus dalam tempoh 15 ke 16 tahun lalu.

Beliau berkata, ketika pandemik melanda, permintaan terhadap sarung tangan getah berkembang pesat dengan

mencatatkan peningkatan sekali ganda iaitu sekitar 25 peratus.

"Lebih bekalan tidak akan menjadi isu. Hakikatnya, permintaan terhadap sarung tangan sangat kukuh ketika ini.

"Menuju ke depan, jika keadaan kembali stabil daripada pandemik, permintaan global terhadap sarung tangan dijangka mencatatkan pertumbuhan 12 hingga 15 peratus," katanya. -BH

COVID-19 jejas pengeluaran sawit negara



KUALA LUMPUR
15 JUN 2021

Peningkatan semula jangkitan COVID-19 di Malaysia akan menyebabkan masalah kekurangan tenaga kerja di ladang sawit meningkat sekali gus mengekang pengeluaran minyak masak yang paling banyak digunakan di dunia.

Malaysia yang melanjutkan fasa pertama sekatan pergerakan penuh hingga akhir Jun, menutup industri tidak penting dan pembekuan berpanjangan pengambilan pekerja asing ketika ia membendung gelombang ketiga pandemik berkenaan.

"Intipati kepada masalah adalah kekurangan tenaga kerja. Kami kehilangan kira-kira 20 peratus hingga 30 peratus dari potensi pengeluaran kerana ini," kata Ketua Eksekutif Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA), Datuk Mohd Nageeb Abdul Wahab.

"Ia akan meningkat lebih banyak lagi tahun ini terutama dalam kalangan pekebun kecil," katanya dalam satu temubual. -BH

Syukur, harga sawit meningkat...



MASJID TANAH
17 JUN 2021

Ibarat mendapat 'durian runtuh' apabila kenaikan lebih dua kali ganda harga buah tandan segar (BTS) kelapa sawit dianggap rahmat buat pekebun tanaman itu ketika ini.

Selepas terpaksa menelan pahit harga BTS antara RM280 hingga RM300 satu tan sebelum April lalu, mereka kini tersenyum puas apabila harga BTS melonjak di pasaran.

Ramli Omel, 42, berkata, harga BTS meningkat kepada RM680 hingga RM750 setan sekaligus menambah pendapatannya untuk menampung kos sara hidup.

"Harga paling rendah adalah RM280 satu tan beberapa tahun lalu. Namun sejak April, harganya naik hingga mencapai harga semasa RM750 satu tan," katanya ketika ditemui di kebun sawit Jalan Benteng, Kuala Sungai Baru, di sini, semalam. -HMETRO

Perbincangan mekanisme subsidi minyak masak di peringkat akhir – Khairuddin



KUALA LUMPUR
23 JUN 2021

Kerajaan sedang di peringkat akhir perbincangan bagi menentukan mekanisme terbaik subsidi minyak masak dalam botol dengan kapasiti dua kilogram (kg) atau lima kilogram, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Mohd Khairuddin Aman Razali.

Beliau berkata perkara itu akan dibentangkan dalam mesyuarat mingguan Kabinet pada Rabu sebelum dapat diputuskan dan diumumkan kepada rakyat seawal minggu hadapan.

Katanya perbincangan antara tiga kementerian berkaitan iaitu Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, serta

Kementerian Kewangan telah dijalankan, termasuk bersama pembekal minyak sawit mentah, pemborong serta pihak berkepentingan lain.

"Di peringkat KPPK yang menjaga hal ehwal pembekal minyak sawit mentah, kita telah berbincang dan mencadangkan cara terbaik bagi memastikan rakyat menikmati harga minyak masak 2kg atau 5kg yang rendah.

"Cuma kita masih belum dapat umumkan hari ni memandangkan perkara ini belum diputuskan di peringkat Kabinet lagi," katanya dalam program Bicara Politikonomi di TV1 bertajuk 'Harga Sawit dan Minyak masak: Rezeki atau Beban', pada Selasa.
-ASTRO AWANI

Malaysia overtakes Indonesia as top palm oil exporter to India

PETALING JAYA
22 JUN 2021

Malaysia has overtaken Indonesia to become the biggest crude palm oil exporter to India, with exports surging to 2.42 million tonnes since November.

Reuters reports that Indonesia's palm oil shipments to India fell 32% to two million tonnes in the same period.

The drop in exports to India follows the republic's decision to impose higher levies on crude palm oil exports in December.

This was done to raise funds for its palm-based biodiesel programme, aimed at maximising domestic use of the edible oil.

Malaysian planters were benefitting from Indonesian export levies, the Solvent Extractors' Association of India executive director BV Mehta told Reuters. -FMT



Muhyiddin bakal umum berita gembira harga minyak masak

KUALA LUMPUR
23 JUN 2021

Tan Sri Muhyiddin Yassin dijangka mengumumkan berita gembira mengenai harga minyak masak tidak bersubsidi di pasaran dalam masa terdekat.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata Perdana Menteri dijangka membuat pengumuman itu selepas pihaknya mengadakan perbincangan dengan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz hari ini.

"Agenda mesyuarat adalah berkaitan syor kementerian dalam usaha menstabilkan harga minyak masak tidak bersubsidi di pasaran yang menjadi keresahan rakyat.

"Sehubungan itu, Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin akan mengumumkan berita gembira. -BH





Palm rises 1% on signs of growing demand; rising output view weighs

KUALA LUMPUR
23 JUN 2021

Malaysian palm oil futures ended over 1% higher on Wednesday, lifted by signs of improving demand and strength in rival edible oils, but gains were capped by estimates of rising output.

The benchmark palm oil contract for September delivery on the Bursa Malaysia Derivatives Exchange closed up 55 ringgit or 1.62% at 3,445 ringgit (US\$828.32) a tonne, having risen more than 4% during the session.

The firmer sentiment comes on the back of robust demand for June shipment and inquiries for July, especially for crude palm oil and olein, said Paramalingam Supramaniam, director at Selangor-based brokerage Pelindung Bestari.

"It is a demand-based rally, and it has got more legs to go up," Paramalingam added.

But palm trimmed some of its gains, after the Malaysian Palm Oil Association (MPOA) estimated production during June 1-20 jumped 15% from the month before, traders said. -THEEDGEMARKET

Malaysia's palm oil output to rise marginally while exports pick up - state agency



KUALA LUMPUR
24 JUN 2021

Malaysia's crude palm oil (CPO) production is expected to rise only marginally in the next few months, while exports are expected to pick up, state agency the Malaysian Palm Oil Council (MPOC) said on Thursday.

“Our estimate for the price is to remain between 3,500 ringgit-3,800 ringgit (\$840.54-\$912.58) in the next three months,” MPOC chief executive officer Wan Zawawi Wan Ismail told Reuters.

The benchmark CPO price in the world's second largest producer has plunged about

23% since peaking at a record high in mid-May. It traded at around 3,463 ringgit (\$831.65) a tonne on Thursday afternoon.

Exports are expected to pick up in July and August following the price correction, which should encourage purchases from key markets China and India, Wan Zawawi said.

Malaysia's crude palm oil production is expected to grow in the next few months, but only marginally due to a pandemic-induced labour shortage and movement restrictions, he added. -REUTERS

Sisa habuk kayu hasilkan cendawan tiram raja

NEGERI SEMBILAN
24 JUN 2021

Jika sebelum ini, syarikat perniagaan kepingan kayu di Negeri Sembilan itu hanya membuang sahaja sisa pertanian berupa habuk kayu pokok getah dan perabot mereka, kini sisa berkenaan dijana semula untuk dijadikan bahan utama penghasilan cendawan tiram raja atau Eryngii mushroom.

Langkah tersebut bukan sekadar strategi bisnes syarikat berkenaan bahkan merupakan sebahagian daripada usaha bagi melestarikan penggunaan sisa industri dan pertanian.

Di samping bijak mempelbagaikan produk syarikat, inisiatif itu nyata dapat memelihara persekitaran daripada terus diancam pencemaran dan isu-isu alam sekitar yang lain bahawa sisa tinggalan industri dan pertanian.

Syarikat HeveaGro di Gemas, Negeri Sembilan telah memanfaatkan sisa habuk kayu daripada industri pembuatan kepingan kayu lapis dan panel kayu berasaskan pokok getahnya untuk suatu yang lebih bermakna kepada alam sekitar.



Habuk-habuk kayu itu dijadikan bongkah-bongkah bagi penanaman cendawan tiram raja atau digelar sebagai raja tiram yang sebenarnya masih asing bagi kebanyakan masyarakat di negara ini.

Menurut Pengarah Eksekutif HeveaGro, Liyen Yoong, pihaknya mengambil langkah berani dengan melabur RM20 juta bagi membina sebuah kilang menempatkan 200,000 bongkah cendawan. -KOSMO

CPO futures to trade range-bound next week

KUALA LUMPUR
26 JUN 2021


The crude palm oil (CPO) futures contract on Bursa Malaysia Derivatives is expected to trade in range-bound mode next week as the market is lacking movement catalysts, a dealer said.

Interband Group of Companies senior palm oil trader Jim Teh said the market projection was made based on the quiet market and no major festival happening in the coming weeks.

He told Bernama that the futures contract is expected to trade between RM3,200 and RM3,300 per tonne.

Palm oil trader David Ng also expects the CPO futures to trade range-bound but with a negative bias, given the prospect of higher production which may increase the overall stock level in the country.

"We estimate the price to trade within a range of RM3,400 per tonne and RM3,650 per tonne," he said. -THESTAR



CPO to reach RM3,200 per tonne in 2021: MIDF Research



KUALA LUMPUR
25 JUN 2021


C Crude palm oil (CPO) price is likely to reach RM3,200 per tonne this year, supported by upbeat export demand, slow production growth and firm demand for palm oil-based biodiesel, said MIDF Research.

In a report today, MIDF Research said unresolved labour shortages due to border closure and the implementation of Movement Control Order rules on agribusiness could also strengthen the CPO price. However, it is expected not to ease drastically below the RM2,500 level.

"We believe the palm oil supply tightness situation will likely remain at least until the third quarter of this year, given the slow growth of output.

"On the demand front, we believe replenishment activities to import more palm oil will continue to be healthy into 2021 on the back of more reopening of economic activities," said MIDF Research.
-NST

Peningkatan eksport sokong pemulihan ekonomi negara



KUALA LUMPUR
28 JUN 2021

Eksport Malaysia meneruskan prestasi memberangsangkan pada Mei 2021 berbanding bulan sama tahun sebelumnya, sekali gus memberi sokongan kukuh kepada pemulihan ekonomi negara.

Momentum positif eksport Malaysia kekal bulan lalu, apabila meningkat 47.3 peratus kepada RM92.3 bilion, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia dalam Laporan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata peningkatan itu disumbangkan oleh eksport domestik dan eksport semula.

Beliau berkata, eksport domestik menyumbang 85.2 peratus atau RM78.7 bilion kepada jumlah keseluruhan, lonjakan sebanyak 45.9 peratus.

Produk utama yang menyumbang kepada peningkatan eksport antaranya adalah barangan elektrik dan elektronik (RM8.1bilion); keluaran getah (RM3.6 bilion); keluaran petroleum (RM3 bilion); minyak kelapa sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak kelapa sawit (RM2.2 bilion).

Manakala, kenaikan import dicatatkan antaranya bagi barangan elektrik dan elektronik (RM4.9 bilion); keluaran petroleum (RM4.3 bilion); kimia dan bahan kimia (RM2.7 bilion); jentera, kelengkapan dan peralatan (RM1.8 bilion) serta barangan besi dan keluli (RM1.6 bilion). -BH

MPOB bakal perkenal empat teknologi baharu



**PETALING JAYA
28 JUN 2021**

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan memperkenalkan empat teknologi baharu berkaitan industri itu pada Seminar dan Pameran Pemindahan Teknologi (TOT) 2021 yang akan diadakan secara maya pada 1 Julai ini.

Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir, berkata teknologi itu membabitkan dua teknologi kawalan penyakit dalam ladang kelapa sawit, satu teknologi biojisim bagi kawalan pencemaran dari kilang sawit dan satu teknologi kejuruteraan ladang khusus untuk pengangkutan kelapa sawit segar.

"Seminar ini memberi peluang kepada semua pihak untuk melihat teknologi baharu dan juga teknologi lalu. Jika ada antara mereka yang berminat boleh hubungi MPOB untuk mendapatkan lesen bagi tujuan komersialkan teknologi ini.

"Kami bukan sahaja memberi kepakaran teknikal dan kemudahan penyelidikan malah akan membantu sehingga mereka berjaya komersialkan produk itu," katanya ketika menjadi tetamu undangan dalam program 'Koresponden Bernama' di Bernama TV pada Isnin. -BH

Program minyak masak bersubsidi boleh ditambah baik

KUALA LUMPUR
29 JUN 2021

Pelaksanaan program minyak masak bersubsidi boleh ditambah baik pada masa depan bagi memastikan subsidi itu boleh dinikmati golongan sasar yang layak.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, program Harga Kawalan berasaskan nilai ambang minyak sawit mentah (MSM) diharap mampu menangani isu kenaikan harga minyak masak botol satu kilogram (kg) hingga lima kg.

"Maka dengan pelaksanaan program itu nanti, harga minyak masak botol lima kg yang tidak bersubsidi dapat dikawal dengan harga silingnya tidak melebihi RM30 sebotol.

"Sekiranya kawalan harga MSM itu dapat dilaksanakan dengan lebih baik, kemungkinan rakyat memperoleh harga minyak masak lima kg yang lebih murah," katanya dalam kenyataan di Facebook, hari ini. -BH





Minyak masak: PM prihatin senada hasrat kementerian

KUALA NERUS
29 JUN 2021

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Dr Mohd Khairuddin Aman Razali mengalu-alukan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, semalam.

Beliau berkata, rakyat sememangnya menanti-nantikan pengumuman itu demi untuk meringankan beban mereka dalam keadaan pandemik Covid-19 dan pelaksanaan Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

“Sayajugaamatmenghargaikeprihatinan Perdana Menteri yang senada dengan

hasrat kementerian saya dalam menangani isu kenaikan harga minyak masak botol sekilogram hingga lima kilogram apabila bersetuju pelaksanaan program harga kawalan berasaskan nilai ambang minyak sawit mentah (MSM),” ujarnya dalam satu kenyataan.

Semalam, Muhyiddin berkata untuk menangani isu kenaikan harga minyak masak botol satu kilogram hingga lima kilogram, kerajaan akan melaksanakan program harga kawalan berasaskan nilai ambang Crude Palm Oil.

Menurutnya, melalui program itu, sebagai contoh, harga minyak masak botol lima kilogram dapat dikawal supaya tidak melebihi RM30 sebotol. -HARAKAHDAILY

India kurangkan duti import minyak sawit mentah


NEW DELHI
30 JUN 2021

Kerajaan India mengurangkan duti import minyak sawit mentah (MSM) kepada 10 peratus daripada 15 peratus, di tengah-tengah kenaikan harga minyak makan pada masa ini.

Kadar cukai baharu tersebut akan berkuat kuasa pada 30 Jun 2021 hingga 30 September 2021, demikian menurut satu kenyataan pada Selasa.

Berikutan itu duti import ke atas MSM yang turut meliputi ses pembangunan pertanian dan surcaj kini berkurangan kepada 30.25 peratus daripada 35.75 peratus sebelum ini, demikian menurut Presiden Persatuan Pengeluar Minyak Sayuran India (IVPA), Sudhakar Desai.

Harga pengguna bagi minyak makan dalam pasaran domestik India telah meningkat secara ketara sejak setahun lepas.



India sememangnya bergantung kepada sumber import bagi memenuhi hampir 70 peratus keperluan terhadap minyak makan tersebut.

India turun cukai import sawit, Malaysia raih manfaat



KUALA LUMPUR
30 JUN 2021

Langkah India mengurangkan duti import minyak sawit mentah (MSM) kepada 10 peratus berbanding 15 peratus berkuat kuasa pada Rabu, akan memberi manfaat kepada industri minyak sawit Malaysia serta pekebun-pekebun kecil, kata Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir berkata sejajar dengan paras harga MSM yang stabil pada RM3,500 hingga RM3,800 satu tan, eksport komoditi itu ke India yang juga pengguna minyak sawit terbesar dunia, dijangka terus meningkat dalam masa terdekat.

Data pengawalselia industri itu menunjukkan eksport minyak sawit Malaysia ke India telah meningkat lebih lapan kali ganda kepada 1.29 juta tan bagi tempoh Januari sehingga Mei 2021 berbanding 0.15 juta tan pada tempoh sama tahun lalu.

Semalam, Kementerian Kewangan India mengumumkan kadar baharu cukai import itu akan berkuat kuasa pada 30 Jun 2021 sehingga 30 September 2021. -BH

Terbitan Unit Komunikasi Korporat MPIC / Jun2021



KEMENTERIAN PERUSAHAAN
PERLADANGAN DAN KOMODITI



Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19



www.mpic.gov.my

